

Presiden Umno mungkin

Oleh ARIF DHARMAWAN

KEMUNGKINAN yang semakin ghairah diperkatakan oleh ahli-ahli Umno dan pemerhati-pemerhati politik ialah kedudukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno dicabar.

Setakat ini lebih ramai yang meramalkan bahawa seandainya cabaran itu menjadi kenyataan, pencabarnya ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah dan bukan Datuk Musa Hitam seperti yang lebih munasabah.

Mengapa Tengku Razaleigh dan tidak Datuk Musa? Pelbagai andaian dibuat bagi menyokong teori Tengku Razaleigh sebagai pencabar ini. Yang paling menarik ialah Tengku Razaleigh sedar halangan yang terpaksa dihadapi dalam cabaran itu, tetapi akan mencuba juga kerana perkiraan peribadi.

Pihak-pihak yang mengemukakan teori itu berkata, Tengku Razaleigh berasa disisihkan dan tidak dihiraukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir selaku Perdana Menteri. Tetapi alasan ini sukar diterima kerana walaupun kalah dalam pemilihan parti dan tidak menduduki Majlis Tertinggi, Tengku Razaleigh terus dikekalkan dalam kabinet.

Namun begitu, boleh jadi ada perkiraan lain yang tidak diketahui umum yang memaksa Tengku Razaleigh dan penyokong-penyokongnya memutuskan demikian. Antara faktor yang menonjol ialah semakin berkurangnya pengaruh Tengku Razaleigh ke atas Umno Kelantan.

Dalam pilihanraya umum lalu, Tengku Razaleigh diketahui tidak sependapat dengan kepemimpinan pusat dan negeri dalam beberapa hal. Namun begitu, Umno Kelantan berjaya mempertahankan negeri itu tanpa diterajui oleh Tengku Razaleigh.

Pihak dalam Umno, terutama sekali Umno Kelantan, dan pihak-pihak luar yang rapat dengan Umno Kelantan tentu mengakui kekelam kabutan yang dialami oleh Umno Kelantan beberapa hari sebelum dan selepas penamaan calon pilihanraya umum tahun lalu.

Jadi, teori cabaran Tengku Razaleigh itu nampak lebih munasabah jika diasaskan kepada perkiraan peribadi. Dan apa pula harapan Tengku Razaleigh dalam pertandingan itu, jika ia benar-benar berlaku?

Fakta sejarah boleh membantu sesiapa jua yang mahukan jawapan awal kepada soalan itu. Presiden-presiden Umno sebelum ini pernah dicabar. Ramai pencabar itu pula sejak awal-awal lagi sedar mereka tidak mungkin menang, tetapi tetap mencabar semata-mata kerana mereka tidak sukakan presiden yang ada.

Adalah kurang munasabah bahawa Tengku Razaleigh yang tidak berjaya menewaskan Datuk Musa

untuk jawatan timbalan presiden sebanyak dua kali boleh mengalahkan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai presiden. Tetapi mungkin ada ahli Umno yang percaya bahawa kedudukan Datuk Seri Dr Mahathir kini begitu lemah sehingga boleh dicabar dengan jayanya.

Ada satu lagi teori yang tidak kurang menariknya, iaitu Tengku Razaleigh akan bertanding jawatan timbalan presiden jika Datuk Musa tidak mempertahankannya. Malah penyokong-penyokong muda Tengku Razaleigh dikatakan mahu beliau mencuba jawatan timbalan presiden, sekalipun Datuk Musa bertanding.

Penyokong-penyokong muda Tengku Razaleigh ini, yang termasuk ahli-ahli cergas Pergerakan Pemuda, berpendapat terlalu sukar menjatuhkan presiden parti, tetapi lebih munasabah mencuba jawatan timbalan presiden. Harapan mereka diperkukuhkan oleh andaian bahawa mungkin berlaku pertandingan tiga penjuar — Tengku Razaleigh, Datuk Musa dan Encik Ghafar Baba.

Tetapi ada juga pemerhati yang mengatakan Tengku Razaleigh tidak mungkin mencabar Datuk Seri Dr Mahathir atau mencuba jawatan-jawatan lain dalam majlis tertinggi. Kata mereka, Tengku

Razaleigh akan bersara daripada politik.

Ahli-ahli parti yang sibuk mencari calon, pasti juga tertanya-tanya apa halnya dengan Datuk Musa. Bertanding atau tidakkah beliau? Kalau bertanding, jawatan mana?

Pasti ada cawangan dan seterusnya bahagian yang mahu Datuk Musa terus bertanding. Langkah paling munasabah ialah mencuba jawatan presiden atau sediak-tidaknya mengekalkan jawatan timbalan presiden. Desas-desus lebih hebat mengarah kepada jawatan timbalan presiden yang dipertahankannya sebanyak dua kali daripada asakan Tengku Razaleigh.

Seandainya Tengku Razaleigh, Datuk Musa dan Encik Ghafar bertanding jawatan timbalan presiden, persaingannya tentulah lebih hebat lagi dan usaha Datuk Musa mempertahankan jawatan itu, seandainya beliau memutuskan berbuat begitu, akan menjadi lebih mencabar.

Jadi, jika hasrat Datuk Musa ialah mempertahankan jawatan timbalan presiden, maka amatlah munasabah jika Tengku Razaleigh tidak digalakkan mencabar beliau sekali lagi. Pertandingan tiga penjuar mungkin memberi kemenangan mudah kepada calon ketiga.

hadapi cabaran

yang cukup mantap kewibawaannya yang berkeungkinan dicalonkan untuk mencabar presiden parti atau mencuba merebut jawatan timbalan presiden.

Perlumbaan untuk tiga jawatan naib presiden, bagaimanapun, dijangka hebat dan membabitkan ramai calon. Antara yang menarik ialah kemungkinan besar, Ketua Pergerakan Pemuda, Encik Anwar Ibrahim, bertanding jawatan itu.

Beberapa bahagian, termasuk bahagian Encik Anwar sendiri, Permatang Pauh, telah menyatakan keputusan mencalonkan beliau untuk bertanding jawatan naib presiden.

Seandainya beliau menerima pencalonan ini, Encik Anwar sudah pasti melepaskan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda, kerana itu sahajalah cara paling terhormat bagi beliau mendapatkan pengesahan sebagai naib presiden parti. Beliau kini Naib Presiden Umno atas sifatnya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda.

Melainkan Encik Ghafar yang mungkin dicalonkan bertanding jawatan timbalan presiden, naib-naib presiden yang sedia ada — Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi — pasti mempertahankan kerusi masing-masing.

Tentangan hebat

Mereka mungkin disertai oleh enam atau tujuh calon lain. Antara yang mungkin dicalonkan dan bersedia bertanding ialah Menteri Besar Perak, Datuk Ramli Ngah Talib; Menteri Besar Pahang, Datuk Khalil Yaakub; Menteri Luar, Datuk Rais Yatim; Menteri Penerangan, Tengku Ahmad Rithauddeen; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mohd Isa Samad; Bekas Naib Presiden, Datuk Harun Idris dan Ahli Parlimen Kok Lanas, Datuk Abdullah Ahmad.

Datuk Rais pernah bertanding jawatan itu, tetapi gagal. Di kalangan menteri besar pula, Datuk Ramli Ngah Talib dan Datuk Khalil diramalkan mampu memberi tentangan hebat.

Berdasarkan petunjuk-petunjuk awal, bilangan yang berminat bertanding merebut kerusi biasa majlis tinggi juga mungkin lebih ramai daripada pemilihan-pemilihan lalu. Ramai pemimpin muda yang bergiat di arena politik kebangsaan dan negeri telah membayangkan hasrat mencuba nasib masing-masing jika dicalonkan.

Justeru itu, pencalonan yang bermula di peringkat cawangan sekarang dan diputuskan di bahagian pada bulan Februari dan Mac akan memberi kesan besar kepada pucuk pimpinan Umno untuk tiga tahun akan datang.

Esok: Naib-Presiden: Gelanggang terbuka luas

Datuk Musa juga mungkin berdepan dengan masalah kewibawaan setelah memohon meletak jawatan timbalan presiden, tetapi kemudiannya menarik balik perletakan jawatan itu.

Mungkin ada antara penyokong Datuk Musa berasa tersinggung bahawa undi mereka seolah-olah tidak bermakna kepada Datuk Musa ketika beliau mengambil keputusan meletakkan jawatan timbalan presiden awal tahun lalu.

Tetapi penyokong-penyokong setia Datuk Musa tentu berasa perlu terus mengemukakan beliau sebagai calon timbalan presiden, walaupun Datuk Musa mungkin tidak menyatakan sama ada beliau berhasrat untuk bertanding atau tidak.

Mereka akan mencalonkan beliau berdasarkan andaian bahawa jika cukup banyak pencalonan diterima, Datuk Musa mungkin tergerak untuk terus bergiat cergas dalam parti.

Biar apa pun keputusan yang akan dibuat oleh Datuk Musa, penyokong-penyokong beliau, terutama sekali di Johor, tentu tidak akan menyerah kepada takdir semata-mata. Mereka pasti melakukan sesuatu untuk memujuk Datuk Musa supaya terus memimpin.

Buat masa ini, tidak nampak watak-watak lain